

06/05/2002

Malaysia kongsi pengalaman atasi pelampau

KUALA LUMPUR, Ahad - Pengalaman Malaysia menangani ekstremisme termasuk ancaman Kumpulan Militan Malaysia (KMM), Al-Maunah dan parti politik tertentu akan dikongsi bersama dengan negara Islam lain pada Muktamar Ketujuh Menteri Wakaf dan Hal Ehwat Islam yang bermula esok.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin akan mengemukakan perkara itu pada pembentangan kertas kerja "Dakwah dan Ekstremisme: Pengalaman Malaysia" pada sesi perbincangan pada hari kedua muktamar itu yang disertai hampir semua 57 negara anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC).

Beliau berkata, negara Islam lain ingin tahu bagaimana Malaysia mampu menangani masalah yang disebabkan kumpulan militan dan pelampau politik yang menjadi penghalang pembangunan ummah di banyak negara Islam dan menyebabkan Islam dikaitkan dengan imej negatif termasuk keganasan.

"Malaysia ada sedikit sebanyak pengalaman dalam perkara ini. Saya yakin negara lain ingin dengar dan berkongsi pengalaman Malaysia terutama ketika negara Islam begitu tertekan berikutan peristiwa 11 September kerana ditohmah dengan tuduhan tidak berasas.

"Pengalaman kita menangani perkara ini patut dikongsi kerana kita tegas dalam perkara ini. Malaysia bukan saja mahu melihat masyarakat Islam harmonis, aman damai dan maju tetapi pada masa sama kerajaan bertanggungjawab memastikan akidah umat Islam tidak tercemar," katanya selepas meninjau persiapan akhir muktamar itu di Hotel Istana, di sini hari ini.

Persidangan tiga hari itu akan dirasmikan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, esok. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pula menyampaikan ucap tama pada hari kedua muktamar.

Sebanyak sembilan kertas kerja berkaitan hal ehwal Islam, termasuk satu oleh Malaysia, dibentangkan beberapa negara peserta.

Abdul Hamid berkata, cubaan kumpulan militan seperti Al-Maunah dan KMM menggulingkan kerajaan yang dipilih rakyat dengan kekerasan adalah menyimpang daripada ajaran Islam dan tindakan seumpama itulah mencemarkan imej Islam serta menyebabkan Islam dikaitkan dengan keganasan.

Katanya, fahaman melampau ini juga diikuti parti politik tertentu yang berjuang hanya untuk mencapai matlamat sempit dan untuk kepentingan golongan tertentu.

Ditanya apakah muktamar itu turut membincangkan cadangan Malaysia memperkenalkan pengguna dinar emas, Abdul Hamid berkata, perkara itu bukan dalam skop perbincangan muktamar itu walaupun beberapa perkara berkaitan ekonomi turut dibincangkan.

Setiausaha Agung Muktamar Menteri Waqaf dan Hal Ehwat Islam, Abdul Aziz Abdurrahman Al-Subaihin, berkata kertas kerja yang dibentangkan pada muktamar kali ini akan diteliti dan dikaji Majlis Eksekutif sebelum diluluskan untuk pembentangan.

(END)